

ISU-ISU DALAM PELAKSANAAN PROGRAM TALAQQI AL- QURAN BERSANAD DI MALAYSIA[♾]

*(Issues In The Implementation of The Talaqqi Al-Quran Program In
Malaysia)*

Muhamad Zul Ikhwan Zahari¹, Nor Hafizi Yusof²

ABSTRACT

The system of Quranic education via talaqqi with sanad has been developing alongside Islamic education and has been gaining increasing attention from communities in Malaysia. Nowadays, there are various parties involved in organising programmes and courses for talaqqi of the al-Quran with sanad, the execution of which has caused several arising issues. This article will therefore be addressing these issues by firstly examining the history of the education of talaqqi of the al-Quran during the time of Rasulullah SAW, followed by observing the concept of talaqqi of the al-Quran with sanad and its importance, as well as the issues in the execution of it in Malaysia. Using a qualitative approach, the research data was collected and analysed descriptively. The results show that the execution of talaqqi of the al-Quran with sanad needs improvement and ³should be more effectively implemented. This study will suggest several methods of improvement for the execution of talaqqi of the al-Quran with sanad in Malaysia.

Keywords: *Talaqqi Program, Al-Quran, Sanad, Issue, Implementation*

[♾] This article was submitted on: 30/10/2022 and accepted for publication on: 27/12/2022.

¹ Muhamad Zul Ikhwan Zahari, merupakan calon ijazah tinggi (PhD) di Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu.
Emel: ikhwan.zahari@mara.gov.my

² Nor Hafizi Yusof, PhD, merupakan Profesor Madya di Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu.
Emel: nhafizi@unisza.edu.my

ABSTRAK

Sistem pendidikan al-Quran secara talaqqi bersanad telah berkembang seiring dengan perkembangan pendidikan Islam dan semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kini terdapat pelbagai pihak yang telah terlibat menganjurkan program dan kursus talaqqi al-Quran bersanad. Namun sepanjang pelaksanaan program ini, terdapat isu-isu yang timbul daripada pelaksanaan program talaqqi al-Quran bersanad. Justeru, artikel ini mengetengahkan isu-isu dalam pelaksanaan talaqqi al-Quran bersanad di Malaysia dengan terlebih dahulu meneliti sejarah pendidikan talaqqi al-Quran pada zaman Rasulullah SAW dan disusuli dengan konsep talaqqi al-Quran bersanad, kepentingan talaqqi al-Quran bersanad dan isu-isu dalam pelaksanaan talaqqi al-Quran bersanad di Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, data-data kajian dikumpulkan dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati pelaksanaan talaqqi al-Quran bersanad perlu ditambahbaik dan diperluaskan pelaksanaannya dengan berkesan. Kajian ini mengemukakan beberapa cadangan bagi penambahbaikan pelaksanaan talaqqi al-Quran bersanad di Malaysia.

Kata Kunci: *Program Talaqqi, Al-Quran, Sanad, Isu, Pelaksanaan*

1. Pengenalan

Terdapat pelbagai jenis program *talaqqi* bersanad yang telah dilaksanakan di Malaysia. Program seperti *talaqqi* bersanad surah al-Fatihah, *talaqqi* al-Quran bersanad dan *talaqqi* al-Quran bersanad 30 juzu' adalah merupakan antara program *talaqqi* bersanad yang popular pada masa ini⁴. Secara umumnya, proses pembelajaran dan pengajaran al-Quran secara sistem *talaqqi* bersanad telah berkembang dan telah dititikberatkan oleh masyarakat Islam di Malaysia⁵. Pada masa yang sama, perkembangan dalam penubuhan pusat pengajian dan institusi yang menganjurkan program *talaqqi* al-Quran bersanad di Malaysia seperti pusat

⁴ Mohamad Redha, M., Muhammad Firdaus, A. M., & Muhammad Zaid, S. K. (2021). Peranan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dalam Pembudayaan Talaqqi al-Quran Bersanad. *Journal Al-Irsyad*, 6(1), 472–481.

⁵ Mohd Hasbie al-Shiddieque, A., Khairul Anuar, M., & Samer Najeh, A. (2019). Talaqqi Al-Quran Bersanad: Satu Tinjauan Di Pusat Pengajian Al-Quran. *Jurnal Qiraat*, 2(1), 26–37.

pengajian tinggi, pusat pengajian swasta, masjid dan rumah kediaman persendirian dilihat semakin banyak⁶.

Perkembangan ini amat positif dan membuka ruang kepada masyarakat untuk mendalami al-Quran bukan sekadar mempelajari kaedah bacaan al-Quran malah turut mendalami al-Quran secara formal iaitu secara *talaqqi* bersama guru yang mempunyai salasilah sanad yang bersambung terus hingga kepada Rasulullah SAW⁷. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai isu dan permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan program *talaqqi* al-Quran bersanad. Oleh itu, kajian ini akan mengetengahkan isu-isu dalam pelaksanaan program *talaqqi* al-Quran bersanad. Isu dan permasalahan ini perlu segera ditangani oleh semua pihak agar kelemahan dalam pelaksanaan program *talaqqi* al-Quran bersanad dapat diatasi.

2. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang berasaskan analisis dokumen. Data dikumpulkan melalui kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan *talaqqi* al-Quran bersanad dan program *talaqqi* al-Quran bersanad sebelum dianalisis. Maklumat-maklumat kajian ini dikumpulkan untuk dianalisis secara deskriptif daripada artikel, jurnal, kertas kerja dan buku-buku ilmiah. Di samping itu, maklumat kajian ini turut diperolehi daripada sumber yang berautoriti.

3. Sejarah *Talaqqi* Al-Quran Zaman Rasulullah S.A.W

Sejarah merekodkan bahawa Rasulullah SAW merupakan individu pertama yang menerima wahyu al-Quran daripada Jibril AS secara *talaqqi musyafahah* dan telah menjadikan ia sebagai model dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran secara *talaqqi* bersanad. Jibril AS yang bertindak sebagai guru manakala Rasulullah SAW adalah sebagai pelajar. Hal ini direkodkan sahih Bukhari (5046):

⁶ Norazman, A., Khairul Anuar, M., & Abdul Muhaimin, A. (2015). Fenomena *Talaqqi* Al-Quran Bersanad Riwayat Hafs 'An 'Asim Menurut Toriq Al-Syatibiyyah: Sumbangannya Dalam Perkembangan Pengajian Al-Quran Di Malaysia. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa (SWAT) 2015*, 169–184.

⁷ Mohamad Redha, M., Farhah Zaidar, R., & Norazman, A. (2020). Relevansi Pewarisan Sanad *Talaqqi* al-Quran. *Al-Turath*, 5(1), 32–38.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ فِي قَوْلِهِ تَعَالَى قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَالِجُ مِنَ التَّنَزِيلِ شِدَّةً، وَكَانَ مِمَّا يُحْرِكُهُ شَفَقَتِيهِ - فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: فَأَنَا أُحْرِكُهُمَا لَكُمْ كَمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحْرِكُهُمَا، وَقَالَ سَعِيدٌ: أَنَا أُحْرِكُهُمَا كَمَا رَأَيْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ يُحْرِكُهُمَا، فَحَرَكَ شَفَقَتِيهِ - فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى: لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ قَالَ: جَمَعُهُ لَكَ فِي صَدْرِكَ وَتَقْرَأُهُ: فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ قَالَ: فَاسْتَمَعَ لَهُ وَأَنْصَتَ: ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا أَنْ تَقْرَأَهُ، فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ ذَلِكَ إِذَا آتَاهُ جِبْرِيلُ اسْتَمَعَ فَإِذَا انْطَلَقَ جِبْرِيلُ قَرَأَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا قَرَأَهُ

Maksudnya:

Daripada Ibnu Abbas yang berkata tentang firman Allah SWT: *Jangan gerakkan lidahmu dalam membaca al-Quran secara tergesa-gesa.* Ibnu 'Abbas berkata, bahwa Rasulullah SAW berusaha mengatasi kesulitan ketika menerima wahyu dengan menggerakkan bibirnya. Ibnu 'Abbas berkata, "aku menggerakkan dua bibirku sebelum kamu sebagaimana Nabi menggerakkan bibirnya". Said berkata, "aku menggerakkannya sebagaimana aku melihat Ibnu 'Abbas menggerakkannya". Lalu ayat al-Quran turun: *"Janganlah kamu menggerakkan lidahmu dalam membaca al-Quran secara tergesa-gesa, sesungguhnya kami telah mengumpulkannya (al-Quran). Dia berkata, Allah telah mengumpulkan al-Quran dalam dadamu dan bacalah. Allah berfirman, "Jika kami membaca al-Quran ikutilah bacaannya itu". Dia berkata, "dengarlah padanya dan diamlah". Allah berfirman, "kemudian Kamilah yang memberi penjelasan, maka kamu membacanya kepada kami (al-Quran). Rasulullah SAW apabila Jibril AS menziarahinya mendengar dengan teliti kemudian apabila Jibril AS pergi, baginda membacanya sebagaimana yang Jibril AS membaca kepadanya.*

(Riwayat Bukhari)

Konsep asas dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran adalah *talaqqi* dan *musyafahah* iaitu berlaku pertemuan antara guru dengan pelajar dan pelajar menerima bacaan daripada mulut guru sebagaimana yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW sebagai pelajar dan Jibril AS sebagai guru. Perkara yang sama juga dilakukan oleh Rasulullah SAW yang membacakan ayat-ayat al-Quran lalu didengari oleh para sahabat seperti Ubay Bin Ka'ab dan ada juga Rasulullah SAW mendengar bacaan yang dialunkan oleh para sahabat sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Mas'ud. Rasulullah SAW juga turut mengisyaratkan dalam sebuah hadith tentang pengambilan bacaan al-Quran daripada guru-guru pakar dalam bidang al-Quran.

خَذُوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ مِنْ ابْنِ مَسْعُودٍ وَأَبِي بَنْ كَعْبٍ وَمُعَاذَ بْنِ جَبَلٍ وَسَالِمَ مَوْلَى أَبِي حَدَيْفَةَ

Maksudnya:

Ambillah al-Quran daripada empat orang iaitu daripada Abdullah bin Mas'ud, Ubay bin Ka'ab, Mu'az bin Jabal dan Salim

(Riwayat Bukhari)

Ayman Rusydi menyatakan bahawa antara perkara penting yang membezakan Islam dengan selain Islam adalah bertalaqqi nas asli al-Quran yang diturunkan dan perkara ini telah berlaku selama 15 kurun⁸. Tradisi pembelajaran al-Quran secara *talaqqi musyafahah* ini berterusan daripada generasi ke generasi iaitu setiap orang yang mempelajari al-Quran secara bersemuka dan menerima bacaan daripada guru. Para sahabat berguru dengan Rasulullah SAW, para tabiin berguru dengan para sahabat, para tabi tabiin berguru dengan tabiin dan kemudian disambung oleh generasi seterusnya sehingga membentuk satu rangkaian nama-nama *muqri* periwayatan al-Quran yang dikenali sebagai sanad.

4. Konsep *Talaqqi Al-Quran Bersanad*

Talaqqi adalah merupakan asas dalam pengajian al-Quran dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya⁹ dan amalan *talaqqi* al-Quran secara bersanad adalah merupakan suatu pengiktirafan yang tertinggi dalam bacaan al-Quran¹⁰. Para ilmuan telah memberikan pelbagai definisi yang menjelaskan maksud *talaqqi* secara bersanad. Kamal Qadah¹¹ menjelaskan *talaqqi* al-Quran bersanad adalah merupakan kaedah orang-orang Islam mempelajari ilmu-ilmu syariah secara umum dan mempelajari al-Quran secara khususnya. Ia merupakan kaedah yang terbaik dalam melafazkan ayat-ayat al-Quran dan menguasai cara pembacaannya. Semasa proses *talaqqi* al-Quran bersanad, pelajar duduk bersama guru dan membaca al-Quran dengan guru secara sempurna dengan membentangkan setiap kalimah dan huruf sama ada secara satu riwayat atau banyak riwayat. Setelah itu,

⁸ Ayman Rusydi, S. (2008). *Talaqqi al-Quran al-Karim 'Abra al-'Usur Mafhumuhu wa Dhawabituhu*. Dar al-Ghauthani.

⁹ Muhammad al-Dusuqi, A. K. (2013). *Usul Wa Dhawabit Ilm Al-Qiraat Wa Al-Ulum Al-Sab'ah* (1st ed.). Dar Al-Salam.

¹⁰ Norazman, A., Khairul Anuar, M., Samer, N. A. S., Adnan, M. Y., Zuhilmi, M. N., Ahmad Sanusi, A., & Mohd Hasbie Al-Shiddieque, A. (2017). Fenomena *Talaqqi al-Quran Bersanad* di Malaysia. *Jurnal Darul Quran*, 21, 34–54. www.islam.gov.my

¹¹ Kamal, Q. (2016). Al-Ijazah Al-Ahliyyah wa Dharuratuha fi *Talaqqi al-Quran al-Karim*. *Algerian Scientific Journal Platform (ASJP)*, 30(1), 93–121. <https://www.asjp.cerist.dz/en/article/1942>

guru mengesahkan pembacaan dan penguasaan pelajar bahawa pelajar telah membentangkan bacaan kepadanya¹².

Sanad adalah merupakan sebahagian daripada agama¹³ dan ia merupakan keistimewaan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada umat Islam yang berfungsi sebagai satu mekanisme berautoriti dalam penyampaian dan pemindahan ilmu-ilmu pengajian Islam, sama ada dalam penulisan ataupun pengajaran¹⁴. Maksud sanad *talaqqi* al-Quran adalah salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan al-Quran secara bersambung daripada sumber utama iaitu Rasulullah SAW yang diperolehi secara bersemuka di hadapan guru¹⁵. Oleh itu, *talaqqi* al-Quran bersanad adalah pengambilan bacaan al-Quran secara bersemuka dengan guru yang mempunyai rangkaian perawi bersambung sehingga sampai kepada Rasulullah SAW. Proses ini juga dikenali sebagai *musyafahah* iaitu mempelajari bacaan al-Quran di hadapan guru secara lisan¹⁶.

5. Kepentingan *Talaqqi* Al-Quran Bersanad

Talaqqi al-Quran telah diaplikasikan sejak zaman Rasulullah SAW dan disambung oleh para ulama Islam secara mutawatir bagi mengekalkan ketulenan dan keaslian cara bacaan al-Quran kerana ia merupakan satu-satunya cara al-Quran dipindahkan dan diriwayatkan¹⁷. Tradisi pengambilan sanad al-Quran perlu diteruskan dan dipraktikkan kerana kepentingannya yang paling utama adalah ia merupakan sunnah Rasulullah SAW. Ibn al-Jazari menegaskan bahawa seseorang tidak boleh mengajar ilmu Qiraat sekalipun menghafaz kitab *al-Taysir* selagimana dia tidak *musyafahah* dengan guru yang bersambung sanad sehingga kepada Rasulullah SAW kerana dalam ilmu *qiraat* terdapat banyak perkara yang

¹² Ibid.

¹³ Muslim, ibn al-Hajjaj al-Naysaburi. 1991. *Sahih Muslim*. Tahqiq: al-Baqi, Muhammad Fuad. Jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.

¹⁴ Graham, W. A. (2018). Traditionalism in Islam: An Essay in Interpretation 1. *Islamic and Comparative Religious Studies*, 23(3), 13–32. <https://doi.org/10.4324/9781315251745-3>

¹⁵ Mohamad Redha, M., Muhammad Fairuz, A. A., & Mohd Ikram, M. N. (2022). Perkembangan Pengajian *Talaqqi* al-Quran Bersanad di Malaysia: Peranan Dato' Haji Sallehudin bin Omar. *Jurnal Qiraat*, 5(1), 1–12.

¹⁶ Izuli, D., & Abdul Rahman, A. G. (2011). Keperluan Bertalaqqi dan Bermusyafahah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu al-Quran: Satu Tuntutan. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan 2011, UIAM*.

¹⁷ Sedek, A. (2009). Kepentingan *Talaqqi* Musyafahah Dalam Pembacaan Al-Quran. *Jurnal Darul Quran*.

tidak boleh dihukum melainkan dengan *musyafahah*¹⁸. Proses pembelajaran al-Quran perlu dilakukan secara *talaqqi* dan *musyafahah* dengan guru-guru yang bertauliah dan tidak memadai dengan hanya dilakukan secara pembacaan melalui buku-buku yang berdasarkan teori semata-mata¹⁹.

Sanad dalam pembacaan al-Quran adalah merupakan cara terbaik untuk memastikan kesahihan, ketepatan dan kebolehpercayaan ilmu bacaan al-Quran dan sangat perlu dititikberatkan²⁰. Terdapat kaedah bacaan al-Quran yang sukar dipraktikkan dan mempunyai cara sebutan yang berbeza dengan penulisan seperti *raum*, *isymam*, *tashil*, peringkat dengung, *mad*, *tarqiq*, *taghliz* dan lain-lain lagi perlu diambil cara pembacaan daripada guru dan wajib dibentangkan bacaan kepada guru secara *talaqqi musyafahah*²¹. Begitu juga dengan pembelajaran tentang *makhraj* huruf dan sifat-sifat huruf yang memerlukan kepada pembentangan bacaan secara *talaqqi* kepada guru yang mahir dan terkenal dalam periwayatan. Hal ini kerana *talaqqi* merupakan asas dalam pembelajaran al-Quran dan tidak boleh dipelajari daripada buku-buku. Walaupun pada masa ini berbagai-bagai buku tajwid yang telah diterbitkan dan sangat mudah didapati, namun ia tidak dapat membantu secara total dalam meningkatkan kualiti dan mutu pembacaan al-Quran²². Proses pembelajaran al-Quran akan dapat mencapai kesempurnaan dalam mempelajari ilmu tajwid al-Quran secara kaedah *talaqqi* di hadapan guru²³.

¹⁸ Ibn al-Jazari, M. bin M. (2016). *Al-Nashr Fi al-Qiraat al-'Asyr* (Zakariya Ameerat, Ed.). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

¹⁹ Nor Hafizi, Y., Abdillah Ab, W., Najmiah, O., & Mohd Shafiee, H. (2021). *Accuracy of Isymam and Tashil Recitation Methods for The Word ت م ن Based on Talaqqi and Musyafahah*. 11(12), 2696–2702. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v11-i12/12252>

²⁰ Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Zaid, S. K., & Shahrudin, S. (2018). Kepentingan Sanad Dalam Menjaga Keaslian Al-Quran. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAHAH 2018)*, 2018(Thiqah), 92–98. http://conference.kuis.edu.my/thiqah/images/eprosiding/1009_THIQAHAH2018.pdf

²¹ Muhammad al-Dusuqi, A. K. (2013). *Usul Wa Dhawabit Ilm Al-Qiraat Wa Al-Ulum Al-Sab'ah* (1st ed.). Dar Al-Salam.

²² Izuli, D., & Abdul Rahman, A. G. (2011). Keperluan Bertalaqqi dan Bermusyafahah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu al-Quran: Satu Tuntutan. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan 2011, UIAM*.

²³ Mohd Hasbie Al-Shiddieque, A., & Khairul Anuar, M. (2018). Pengamalan Ilmu Tajwid Dalam Pengajian Talaqqi Al-Quran Bersanad. *Jurnal Darul Quran*, 22, 24–43.

Para ilmuwan Islam sejak zaman Rasulullah SAW sangat mengambil berat terhadap proses pembelajaran al-Quran kerana setiap huruf, kalimah dan ayat-ayat al-Quran diterima secara *talaqqi musyafahah* dan mewariskan ayat al-Quran secara *talaqqi musyafahah* juga kepada generasi seterusnya bertepatan sebagaimana yang diterima daripada Rasulullah SAW. Oleh sebab itu, Ayman Rushdi²⁴ di dalam kajiannya menegaskan bahawa hanya seratus peratus kesahihan pembacaan al-Quran yang diterima dalam pengijazahan sanad al-Quran demi menjamin keaslian dan kesahihan bacaan al-Quran sampai kepada generasi seterusnya.

6. Isu-Isu Dalam Pelaksanaan Program *Talaqqi Al-Quran Bersanad*

Penganjuran program *talaqqi al-Quran bersanad* didapati amat memberangsangkan kerana banyak pusat atau institusi pengajian menawarkan program pengajian *talaqqi al-Quran* secara bersanad dan berjaya menarik minat pelbagai pihak²⁵. Walau bagaimanapun, terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa terdapat isu-isu dan permasalahan dalam pelaksanaan program *talaqqi al-Quran bersanad* yang merangkumi kualiti pemegang sanad ijazah al-Quran, silibus kursus dan modul program, mekanisme penilaian dan penganugerahan sanad serta syarat penyertaan program *talaqqi al-Quran bersanad*.

i. Kualiti Pemegang Sanad Ijazah Al-Quran

Pelaksanaan sesuatu program kebiasaannya mempunyai ketetapan yang ditentukan oleh pihak penganjur dan pelaksana program tersebut seperti matlamat dan objektif dalam pelaksanaan program tersebut. Antara objektif dalam pelaksanaan program *talaqqi al-Quran bersanad* adalah untuk melahirkan guru-guru al-Quran yang berkualiti dan menyebarkan sanad al-Quran yang sahih²⁶. Walaubagaimanapun, dalam pelaksanaan program *talaqqi al-Quran bersanad* sebahagian peserta tidak mengetahui tentang konsep sanad al-Quran

²⁴ Ayman Rushdi, S. (2010). *Dirasah Al-Ma'ayir Al-'Ilmiyyah li Ta'lim Al-Quran Al-Karim fi Majal Al-Ijazah Al-Quraniyyah Bissanad Al-Muttasil ila Rasulullah*. <https://quranpedia.net/ar/book/18022>

²⁵ Norazman, A., Khairul Anuar, M., & Abdul Muhaimin, A. (2015). Fenomena *Talaqqi Al-Quran Bersanad Riwayat Hafis 'An 'Asim Menurut Toriq Al-Syatibiyah: Sumbangannya Dalam Perkembangan Pengajian Al-Quran Di Malaysia*. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa (SWAT) 2015*, 169–184.

²⁶ Imtiaz Academy, (2022). Diakses pada 20 September 2022, dari <https://imtiazacademy.com.my/talaqqi-bersanad/>

dan kaedah *talaqqi* al-Quran yang diamalkan secara warisan malah pelaksanaan program ini juga didapati tidak berhasil membentuk bimbingan berterusan apabila peserta hanya ingin mendapatkan sijil sanad untuk kepentingan diri sendiri²⁷. *Talaqqi* al-Quran bersanad dapat membentuk bimbingan berterusan daripada guru terhadap pelajarinya adalah setiap kesalahan dapat ditegur secara khusus, dapat melihat sebutan yang tepat daripada mulut guru dan pelajar sentiasa mendapat nasihat serta motivasi daripada guru²⁸.

Selain itu, penerangan tentang sanad bacaan al-Quran oleh guru-guru *talaqqi* al-Quran bersanad didapati sangat kurang diberi tumpuan²⁹ sedangkan ia adalah merupakan kewajipan setiap individu yang bertalaqqi secara bersanad untuk mengetahui salasilah sanad al-Quran yang diterima³⁰. Zainul Milal³¹ menjelaskan perbandingan yang ketara antara kualiti pemegang sanad ijazah *talaqqi* al-Quran pada masa dahulu dengan pemegang sanad ijazah masa kini iaitu:

Perbandingan Pemegang Ijazah Sanad Al-Quran		
No.	Dahulu	Kini
1.	Menghafaz al-Quran	Sebahagian sahaja menghafaz al-Quran

²⁷ Khairuddin, S., & Jamaluddin, A. (2011). Keaslian Sanad Pengajian Al-Quran: Kelangsungan Tradisi Ilmu Al-Quran. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*, 1–17. <https://pdfslide.net/download/link/keaslian-sanad-pengajian-al-quran-jamaluddin-khairuddin>

²⁸ Wan Mohd Hazim, W. M. H. (2012). Al-Quran dan Talaqqi Musyafahah. *Makalah Dakwah*, 10(10 / 20 April), 2. www.masjidabidin.org.my

²⁹ Khairuddin Said, & Jamaluddin Adam. (2016). *Tahap Pengetahuan Pelajar Maahad Tahfiz Tentang Sanad Qiraat Imam 'Asim di Pahang* (Issue July). <https://www.yumpu.com/id/document/read/38778759/tahap-pengetahuan-pelajar-maahad-tahfiz-tentang-sanad>

³⁰ Mohd Hasbie al-Shiddieque, A., Khairul Anuar, M., & Samer Najeh, A. (2019). Talaqqi Al-Quran Bersanad: Satu Tinjauan Di Pusat Pengajian Al-Quran. *Jurnal Qiraat*, 2(1), 26–37.

³¹ Zainul Milal, B. (2022). *Sanad Qur'an dan Tafsir di Nusantara: Jalur, Lajur dan Titik Temunya*. Pustaka Compass.

2.	Penguasaan aspek teori melalui hafazan <i>matan</i> tajwid dan <i>qiraat</i>	Kurang penguasaan aspek teori dan hafazan <i>matan</i> tajwid dan <i>qiraat</i>
3.	<i>Tahammul</i> al-Quran dan <i>Qiraat</i> secara <i>ifrad</i> dan <i>jama'</i>	Sebahagiannya <i>jama'</i> tanpa <i>ifrad</i> dan sebahagian lagi <i>ifrad</i> tanpa <i>jama'</i> . Sangat jarang yang menggabungkan kedua-duanya
4.	Bimbingan berterusan termasuk penyucian jiwa dan rohani	Bimbingan aspek pembacaan sahaja

Jadual 1. Perbezaan Kualiti Pemenang Ijazah Sanad *Talaqqi* al-Quran

Hal ini menunjukkan bahawa kualiti sebahagian peserta yang dihasilkan melalui pelaksanaan program *talaqqi* al-Quran bersanad adalah belum mencapai tahap yang baik dan relevan serta berkelayakan sebagai pemegang ijazah al-Quran bersanad kerana tidak menepati syarat dan ciri-ciri pemegang ijazah sanad al-Quran.

ii. Silibus Kursus dan Modul Program

Pelaksanaan program *talaqqi* al-Quran tanpa silibus dan modul yang sesuai akan menjejaskan kualiti dan kemahiran yang dapat dicapai oleh para peserta program. Silibus kursus dan modul program merupakan tunjang dalam pelaksanaan program. Namun begitu, terdapat penganjur yang tidak menyediakan silibus kursus dan modul pengajian dalam program *talaqqi* al-Quran bersanad³². Penguasaan aspek hukum pembacaan secara teori dan praktikal adalah merupakan perkara yang paling asas dalam *talaqqi* al-Quran³³. Menurut Soleh Abdullah Hamd³⁴ pengetahuan aspek teori dalam *talaqqi* al-Quran bersanad perlu dimulakan dengan kitab *Tuhfah al-Atfal* kemudian diikuti dengan kitab *Muqaddimah al-Jazariyyah*. Selain itu, penerangan tentang jalur sanad bacaan al-

³² Norazman, A., Khairul Anuar, M., Zuhilmi, M. N., & Nor Hazirah, M. S. (2018). Sanad Qiraat dan Hadis: Analisa Terhadap Proses Pengijazahan. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa al-Sunnah*, 14(1), 109–120. <https://doi.org/10.33102/jmq.v14i1.122>

³³ Ayman Rushdi, S. (2010). *Dirasah Al-Ma'ayir Al-'Ilmiyyah li Ta'lim Al-Quran Al-Karim fi Majal Al-Ijazah Al-Quraniyyah Bissanad Al-Muttasil ila Rasulillah*. <https://quranpedia.net/ar/book/18022>

³⁴ Soleh Abdullah Hamd, A.-U. (2009). *Na'tu al-Darajat li Talaqqi Al-Quran wa Al-Qiraat*. Al-Ma'arif Al-Quraniyyah.

Quran sangat kurang diberi tumpuan oleh guru-guru *talaqqi* al-Quran bersanad³⁵ sedangkan setiap bacaan al-Quran perlu diketahui dari mana asal jalur sanadnya untuk memastikan kesahihannya³⁶.

Peruntukan masa dalam pelaksanaan modul *talaqqi* al-Quran bersanad juga didapati amat berbeza antara institusi pengajian³⁷. Program *talaqqi* al-Quran bersanad yang dianjurkan oleh Kelas *Talaqqi* Qiraat al-Quran Bersanad (KQTA) memperuntukkan tempoh masa selama 27 bulan manakala Kursus *Talaqqi* al-Quran Bersanad (KuTAB) yang lain pula hanya memperuntukkan masa 30 bulan untuk menamatkan keseluruhan modul *talaqqi* al-Quran bersanad³⁸. Kelas *Talaqqi* Bersanad anjuran Imtiaz Academy pula memperuntukkan masa hanya selama 2 semester untuk menamatkan pengajian *talaqqi* al-Quran bersanad³⁹. Proses penganugerahan sanad dilakukan dalam tempoh masa yang singkat tanpa ada bimbingan berterusan dan pengajaran menyeluruh sehingga ada yang dianugerahkan sanad hanya dalam tempoh masa sebulan⁴⁰ malah ada pihak yang menganugerahkan sanad hanya dalam masa satu malam sahaja⁴¹. Perkara ini amat dibimbangi kerana terlalu memudahkan dalam proses pemberian sanad dan tiada bimbingan berterusan⁴². Pelaksanaan modul program *talaqqi* al-Quran bersanad

³⁵ Khairuddin Said, & Jamaluddin Adam. (2016). *Tahap Pengetahuan Pelajar Maahad Tahfiz Tentang Sanad Qiraat Imam 'Asim di Pahang* (Issue July). <https://www.yumpu.com/id/document/read/38778759/tahap-pengetahuan-pelajar-maahad-tahfiz-tentang-sanad>

³⁶ Uli Rifatul, M. (2022). *Talaqqi Dalam Ilmu Qiraat (Studi Analisis Perbandingan Talaqqi Qira'at di Indonesia dan Suriah)*. Tesis Sarjana. Institut Ilmu al-Quran Jakarta.

³⁷ Mohamad Redha, M., Muhammad Firdaus, A. M., & Muhammad Zaid, S. K. (2021). Peranan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dalam Pembudayaan *Talaqqi* al-Quran Bersanad. *Journal Al-Irsyad*, 6(1), 472–481.

³⁸ Ibid

³⁹ Imtiaz Academy, (2022). Diakses pada 20 September 2022, dari <https://imtiazacademy.com.my/talaqqi-bersanad/>

⁴⁰ Khairuddin, S., & Jamaluddin, A. (2011). Keaslian Sanad Pengajian Al-Quran: Kelangsungan Tradisi Ilmu Al-Quran. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*, 1–17. <https://pdfslide.net/download/link/keaslian-sanad-pengajian-al-quran-jamaluddin-khairuddin>

⁴¹ Muhammad Sidi, M. al-A., & Muhammad Fauzan, H. al-U. (2004). *Al-Nadwah Al-Ula lilmultaqa Al-Awwal li Al-Jam'iyyah Al-Ilmiyyah Al-Su'udiyah li Al-Quran Al-Karim wa Ulumuh*. <https://fujairahdiglib.ae/book/read/127405>

⁴² Khairul Anuar, M. (2013). Amanah Pemegang Sanad Quran. *Utusan Malaysia*. <http://ddms.usim.edu.my/xmlui/handle/123456789/6646?show=full>

dalam tempoh masa yang singkat tanpa bimbingan yang berterusan menghasilkan pembaca al-Quran yang memiliki sanad al-Quran namun lemah pada aspek penguasaan ilmu teori pembacaan al-Quran, pengetahuan tentang sanad dan praktikal pembacaan al-Quran.

iii. Mekanisme Penilaian dan Penganugerahan Sanad

Sehingga kini masih belum ada mekanisma yang mengkaji secara khusus dan menyeluruh mengenai kaedah pengurniaan sanad dan kelayakan yang dinilai sebelum pengurniaan sanad al-Quran⁴³. Kualiti peserta yang dihasilkan daripada pelaksanaan program *talaqqi* al-Quran bersanad turut menjadi persoalan kerana sanad dan ijazah juga turut diberikan kepada mereka yang banyak melakukan kesalahan besar dalam pembacaan al-Quran⁴⁴. Peserta tidak boleh diberikan sanad setelah menamatkan pembacaan al-Quran kerana masih terdapat kesalahan dalam bacaan dan memerlukan kepada penambahbaikan⁴⁵. Penganugerahan sanad *talaqqi* al-Quran hanya layak diberikan kepada peserta yang berjaya mencapai tahap kemampuan kognitif iaitu kemampuannya menguasai bacaan qiraat dengan lengkap beserta semua khilaf padanya dan kemampuan afektif iaitu pengamalan adab dan akhlak yang sesuai dengan peranan sebagai pemegang sanad⁴⁶. Para ilmuan Islam sejak zaman Rasulullah SAW sangat mengambil berat terhadap proses pembelajaran al-Quran kerana setiap huruf, kalimah dan ayat-ayat al-Quran diterima secara *talaqqi musyafahah* dan mewariskan ayat al-Quran secara *talaqqi* kepada generasi seterusnya bertepatan sebagaimana yang diterima daripada Rasulullah SAW. Oleh sebab itu, Ayman Rushdi⁴⁷ menegaskan bahawa hanya seratus peratus kesahihan dalam pembacaan al-Quran yang diterima dalam

⁴³ Azizul, H. (2020). Argumentation among Qurra' Based on Sanad of Al-Quran. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(12), 78–90. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v10-i12/8220>

⁴⁴ Muhammad Sidi, M. al-A., & Muhammad Fauzan, H. al-U. (2004). *Al-Nadwah Al-Ula lilmultaqa Al-Awwal li Al-Jam'iyah Al-Ilmiyyah Al-Su'udiyah li Al-Quran Al-Karim wa Ulumuh*. <https://fujairahdiglib.ae/book/read/127405>

⁴⁵ Khairul Anuar, M. (2013). Sanad Quran Satu Anugerah Tuhan. *Utusan Malaysia*. <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/6647>

⁴⁶ Khairuddin, S., & Jamaluddin, A. (2011). Keaslian Sanad Pengajian Al-Quran: Kelangsungan Tradisi Ilmu Al-Quran. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*, 1–17. <https://pdfslide.net/download/link/keaslian-sanad-pengajian-al-quran-jamaluddin-khairuddin>

⁴⁷ Ayman Rushdi, S. (2010). *Dirasah Al-Ma'ayir Al-Ilmiyyah li Ta'lim Al-Quran Al-Karim fi Majal Al-Ijazah Al-Quraniyyah Bissanad Al-Muttasil ila Rasulullah*. <https://quranpedia.net/ar/book/18022>

pengijazahan sanad al-Quran demi menjamin keaslian dan kesahihan bacaan al-Quran sampai kepada generasi seterusnya.

iv. Syarat Penyertaan Program *Talaqqi* Al-Quran Bersanad

Majoriti ilmuan Islam meletakkan syarat khusus untuk memperoleh ijazah dan sanad iaitu menghafaz al-Quran 30 juzu' bersama-sama dengan kitab *Tuhfah al-Atfal* dan *Muqaddimah al-Jazariyyah* dan benar-benar menguasai pembacaan al-Quran⁴⁸. Pelaksanaan program *talaqqi* al-Quran bersanad di Malaysia menunjukkan terdapat juga pihak penganjur yang tidak meletakkan syarat khusus kepada peserta yang mengikuti program *talaqqi* al-Quran bersanad dan ada pihak penganjur yang meletakkan syarat mampu membaca al-Quran⁴⁹.

Disamping itu, pelaksanaan program *talaqqi* al-Quran bersanad yang dianjurkan di Malaysia membenarkan peserta membaca al-Quran secara melihat kepada mushaf al-Quran dan setelah tamat pembacaan al-Quran dalam satu riwayat atau beberapa riwayat, peserta akan dianugerahkan ijazah dan sanad bagi riwayat tersebut. Pelaksanaan kaedah seperti ini dilihat bertentangan dengan syarat-syarat pengijazahan sanad al-Quran dan *qiraat* yang disusun oleh para ilmuan Islam⁵⁰. Sanad pembacaan al-Quran daripada para *qurra'* sejak zaman berzaman sehingga bersambung kepada Rasulullah SAW dengan sanad *musalsal* adalah secara hafazan dan bukan secara membaca daripada mushaf.

7. Cadangan Penambahbaikan Program *Talaqqi* Al-Quran Bersanad

Talaqqi al-Quran bersanad adalah merupakan satu-satunya mekanisme yang terbaik dan berkesan dalam menjaga dan memastikan pembacaan al-Quran diwariskan kepada satu generasi kepada generasi yang lain dengan sah dan tepat. Program *talaqqi* al-Quran bersanad yang telah menjadi fenomena dan telah mendapat perhatian masyarakat Islam di Malaysia adalah merupakan sesuatu

⁴⁸ Azizul, H. (2020). Argumentation among Qurra' Based on Sanad of Al-Quran. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(12), 78–90. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v10-i12/8220>

⁴⁹ Mohamad Redha, M., Muhammad Firdaus, A. M., & Muhammad Zaid, S. K. (2021). Peranan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dalam Pembudayaan *Talaqqi* al-Quran Bersanad. *Journal Al-Irsyad*, 6(1), 472–481.

⁵⁰ Muhammad Sidi, M. al-A., & Muhammad Fauzan, H. al-U. (2004). *Al-Nadwah Al-Ula lilmultaqa Al-Awwal li Al-Jam'iyyah Al-Ilmiyyah Al-Su'udiyah li Al-Quran Al-Karim wa Ulumuh*. <https://fujairahdiglib.ae/book/read/127405>

yang positif dan perlu diteruskan pelaksanaannya. Namun begitu, isu-isu dan permasalahan yang berlaku dalam pelaksanaan program ni perlu ditangani dan ditambahbaik. Antara cadangan dalam penambahbaikan dalam pelaksanaan program *talaqqi* al-Quran bersanad ialah pihak penganjur yang menguruskan pelaksanaan program perlu menetapkan objektif dan matlamat program *talaqqi* al-Quran bersanad yang selari dengan ketetapan yang telah digariskan oleh para *qurra'* dalam aspek *tahammu wa al-ada*⁵¹ dan proses *talaqqi* al-Quran bersanad.

Pelaksanaan program *talaqqi* al-Quran bersanad perlu ditambahbaik pada aspek silibus dan modul yang disusun. Para peserta yang menyertai program *talaqqi* al-Quran bersanad perlu didedahkan dengan kitab-kitab tajwid dan *qiraat* seperti kitab *Tuhfah al-Atfal*, *Muqaddimah*, *Hirz Al-Amani* dan *Thayyibah Al-Nasyr* sebagaimana yang telah digariskan oleh Ayman Rushdi⁵² dan Soleh Abdullah Hamd⁵³. Meskipun para peserta tidak menghafal isi kandungan kitab-kitab ini, para guru yang mengajar *talaqqi* al-Quran bersanad perlu menerangkan kepada peserta sama ada melalui pengajaran tradisional mahupun pembentangan yang menggunakan peralatan teknologi moden. Hal ini dapat menjamin dalam membentuk dan melahirkan pemegang sanad al-Quran yang benar-benar berkualiti. Aspek peruntukan masa dalam pelaksanaan program *talaqqi* al-Quran bersanad perlu dilaksanakan mengikut kadar kemahiran yang dimiliki oleh peserta. Peruntukan masa kepada peserta yang telah mahir serta menguasai aspek teori dan praktikal perlu dibezakan antara peserta yang tidak mahir serta tidak menguasai aspek teori dan praktikal supaya kualiti peserta yang dihasilkan mencapai tahap yang setara.

Disamping itu, semua pihak penganjur yang melaksanakan program *talaqqi* al-Quran bersanad secara sepakat menetapkan syarat dan kriteria yang ketat bagi peserta yang ingin menyertai program *talaqqi* al-Quran bersanad seperti menghafaz keseluruhan al-Quran dengan baik serta lancar sebagaimana amalan *talaqqi* al-Quran di negara Indonesia dan Syria⁵⁴. Selain itu, peserta perlu

⁵¹ Merupakan kaedah pengambilan bacaan al-Quran dari guru dan seterusnya mengamalkan bacaan tersebut

⁵² Ayman Rushdi, S. (2010). *Dirasah Al-Ma'ayir Al-'Ilmiyyah li Ta'lim Al-Quran Al-Karim fi Majal Al-Ijazah Al-Quraniyyah Bissanad Al-Muttasil ila Rasulillah*. <https://quranpedia.net/ar/book/18022>

⁵³ Soleh Abdullah Hamd, A.-U. (2009). *Na'tu al-Darajat li Talaqqi Al-Quran wa Al-Qiraat*. Al-Ma'arif Al-Quraniyyah.

⁵⁴ Uli Rifatul, M. (2022). *Talaqqi Dalam Ilmu Qiraat (Studi Analisis Perbandingan Talaqqi Qira'at di Indonesia dan Suriah*. Tesis Sarjana. Institut Ilmu al-Quran Jakarta.

menguasai hukum-hukum tajwid termasuk *makhraj* serta sifat huruf, mempunyai akhlak yang baik dan terpuji serta mengadakan sesi temuduga khas untuk memilih peserta yang layak mengikuti program *talaqqi* al-Quran bersanad. Pihak penganjur juga boleh membahagikan *talaqqi* al-Quran bersanad kepada dua kaedah iaitu *talaqqi bi al-nazar* iaitu dengan melihat mushaf bagi peserta yang tidak menghafaz al-Quran dan *talaqqi bi al-ghaib* iaitu secara tidak melihat mushaf⁵⁵. Kedua-dua kaedah ini perlu dinyatakan dalam sanad dan ijazah peserta.

Selain itu, pihak berkuasa juga perlu merangka suatu mekanisme khusus dalam menilai kelayakan dan mengawal penganugerahan ijazah sanad al-Quran seperti menyediakan lesen untuk penganjur program *talaqqi* al-Quran bersanad untuk memastikan ijazah dan sanad hanya dianugerahkan kepada individu yang benar-benar berkelayakan. Jamaluddin Adam⁵⁶ turut menyatakan bahawa penganugerahan sanad mesti mengikut etika dan prosedur yang betul untuk mengelakkan kerosakan sistem yang diwarisi daripada Rasulullah SAW. Hal ini akan dapat mengelakkan penyalahgunaan, penipuan dan menggunakan ijazah dan sanad al-Quran sebagai modus operandi dalam perniagaan.

8. Kesimpulan

Isu-isu dan permasalahan yang wujud dalam program *talaqqi* al-Quran bersanad seharusnya diberi perhatian yang wajar daripada pihak berwajib. Kelemahan dalam pelaksanaan program ini pada aspek kualiti peserta, silibus dan modul, mekanisme penilaian dan syarat program menyebabkan objektif disiplin *talaqqi* al-Quran bersanad tidak dapat dicapai. Justeru, keperluan terhadap penambahbaikan program *talaqqi* al-Quran bersanad sangat perlu dilaksanakan dalam menangani isu-isu dan permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan program ini. Dapatan kajian ini menunjukkan betapa pentingnya isu-isu dan permasalahan ini ditangani. Hal ini kerana program *talaqqi* al-Quran bersanad ini akan melahirkan pembaca al-Quran yang memiliki sanad bacaan al-Quran yang berkualiti dalam aspek teori dan praktikal disamping mampu menjadi

⁵⁵ Muhammad Shohib, & M. Bunyamin, Y. S. (2011). *Para penjaga al-Qur'an: Biografi Huffaz al-Qur'an di Nusantara*. (Muhammad Shohib & Y. S. M. Bunyamin, Eds.). Lajnah Pentashihan Mushaf al-Qur'an, Badan Litbang dan Diklat, Kementerian Agama Republik Indonesia Kementerian Agama RI.

⁵⁶ Jamaluddin, A. (2014). *Analisis Pengajian al-Quran Bersanad Riwayat Hafs di Maahad-maahad Tahfiz di Negeri Pahang*. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

pengijazah sanad bacaan al-Quran untuk menyebarkan ilmu al-Quran kepada masyarakat di Malaysia.

RUJUKAN:

- ‘Abd al-Baqi, Muhammad Fu’ad, *al-Mu’jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur’an* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2007).
- Abū ‘Abd Allāh Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, “Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal,” ed. Shu‘aib al-Arna’ūṭ (Muassasah al-Risālah, 1421H).
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ahmad al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ li Aḥkām Al-Qur’ān* ed. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkiy (Muassisah al-Risālah, 1427H).
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” ed. Muḥammad Zuhāir bin Nāṣr al-Nāṣr (Dār Ṭawq al-Najāh, 1422H).
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī, “Sunan Ibn Mājah,” ed. Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī (Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah, 1233H).
- Abu al-Fida’ Isma‘il bin ‘Umar bin Kathir, *Tafsir Al-Qur’an al-‘Azim* ed. Muhammad Husayn Shams al-Din (Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1419H).
- Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim,” ed. Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī (Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabīy).
- Abu al-Su‘ud, Muhammad bin Muhammad bin Mustafa al-‘Imadi, *Irshad al-‘Aql al-Salim* (Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath).
- Abu Hayyan, al-Andalusi, Muhammad bin Yusuf bin ‘Ali bin Yusuf Athir al-Din al-Andalusi, *Al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir*, ed. Sidqi Muhammad Jamil (Beirut: Dar al-Fikr, 1420H=1999).
- Abū ‘Īsā Muḥammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, “Sunan Tirmidhī,” ed. Aḥmad Muḥammad Shākīr dan Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī (Misr: Maktabah Muṣṭafā al-Bābiy al-Ḥalabī, 1395H).
- Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa al-Hanafi Badr al-Din al-‘Ayni, “Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari” (Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi).
- Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas‘ud, *Ma‘alim al-Tanzil* ed. Muhammad ‘Abd Allah al-Namr (Dar al-Tayyibah, 1417H).

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Tusi, *al-Maqsad al-Asna fi Sharh Ma'ani Asma' Allah al-Husna*, ed. Bassam 'Abd al-Wahhab al-Jabi (Qubrus: Al-Jaffan wa al-Jabi, 1987).
- Al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa, *Tafsir al-Maraghi* (Misr: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1365H).
- Al-Nasafi, Abu al-Barakat 'Abd Allah bin Ahmad, *Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Ta'wil* ed. Yusuf 'Ali Badiwi (Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib, 1419H).
- Al-Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad, *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran* ed. Safwan 'Adnan al-Dawudi (Bayrut: Dar al-Qalam, 1412H).
- Al-Sa'di, 'Abd al-Rahman bin Nasir bin 'Abd Allah, *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, ed. 'Abd al-Rahman bin Mu'alla al-Luwayhaq (t.tp.: Mu'assasah al-Risalah, 2000).
- Al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli, *Tafsir al-Sha'rawi* (t.tp: Matabi' Akhbar al-Yawm, 1997).
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Kathir, *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Quran* ed. Dr. 'Abd Allah bin 'Abd Muhsin al-Turki (Dar al-Hijr, 1422H).
- Fakhr al-Din al-Razi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Umar bin al-Husayn, *Mafatih al-Ghayb* (Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1420H).
- Fitri Febriyani, "Peran Pembacaan Asmaul Husna Dalam Pembelajaran Fiqih Di Madsrah Aliyah Negeri Sidoarjo," *Program Studi Pendidikan Agama Islam, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya* (2018).
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram bin 'Ali, *Lisan al-'Arab* (Bayrut: Dar Sadir, 1414H).
- Ismā'il bin 'Umar bin Kathīr, *Tafsīr Al-Qur'ān Al-'Aẓīm*, ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salāmah (Dār Ṭayyībah, 1420H).
- Kamus Dewan*, edisi ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).
- Kamus Pelajar*, edisi ke-2 (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984),
Lihat pautan <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=nama>.
- M. Quraish Shihab, "Menyingkap Tabir Ilahi Asma al-Husna dalam Perspektif Al-Quran," Lihat pautan <https://docplayer.info/49356765-Bab-ii-konsep-al-asma-al-husna.html>.
- Manna' Khalil al-Qattan, *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*, c.3 (t.tp: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000).
- Mohd Hasrul Shuhari dan Mohd Fauzi Hamat, "Kefahaman Terhadap Al-Asmā' Al-Ḥusnā Dan Kaitannya Dengan Ciri Al-Ikhlāṣ Menurut Al-Ghazālī Dalam Kitab Al-Maqsad Al-Asnā," *Jurnal Afkār* 19 (2017).
- Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī, *Ṣafwat al-Tafāsīr* (Bayrūt: Dār al-Qur'ān al-Karīm, 1402H).

- Muḥammad Idrīs ‘Abd al-Ra’ūf al-Marbawī, *Qāmūs Al-Marbawī* (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābiy al-Ḥalabiy, 1350H).
- Nukhbah min Asatizah al-Tafsir, *al-Tafsir al-Muyassar* (Arab Saudi: Mujamma‘ al-Malik Fahd li Tiba‘ah al-Mushaf al-Sharif, 2009).
- Waḥbah al-Zuhaylī, *Al-Tafsīr Al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa Al-Sharī‘ah wa Al-Manhaj* (Jakarta: Gema Insani, 2013).